

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkd@tth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

Pelepasan Jemaah Haji Negeri Sabah Ke Tanah Suci

KOTA KINABALU, Selasa, 25 Julai 2017 : Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Sri Panglima Dr. Haji Juhar Haji Mahiruddin dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Hajah Norlidah Datuk R.M. Jasni telah hadir menyempurnakan majlis mengucapkan selamat jalan khususnya kepada jemaah haji dari Negeri Sabah ke Baitullahhilmaram bagi Musim Haji 1438H/2017M yang berlangsung di **TH** Hotel Kota Kinabalu. Turut hadir dalam majlis ini adalah YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah dan YB Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim, Pengurus **TH**.

Penerbangan KT06S yang membawa **160** jemaah dari Kota Kinabalu dijadualkan berlepas ke KLIA pada 1:30 pagi (26 Julai 2017). Kumpulan jemaah ini seterusnya akan berlepas dengan penerbangan terus dari KLIA ke Madinah dengan pesawat A380, MH8008 yang dijadualkan pada 26 Julai 2017, 6:00 pagi dan dijangka tiba di Madinah pada 10:00 pagi (waktu Saudi)

Tuan Yang Terutama Tun Datuk Sri Panglima Dr. Haji Juhar Haji Mahiruddin, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Hajah Norlidah Datuk R.M. Jasni serta dif-dif kehormat bersalaman dan mengambil kesempatan mengucapkan selamat jalan kepada para bakal jemaah kerana terpilih menjadi tetamu Allah pada musim haji ini. Para bakal jemaah dinasihatkan agar memberikan tumpuan sepenuhnya dalam mengerjakan ibadat tersebut dengan sempurna agar memperoleh haji yang mabrur.

Pada musim haji tahun ini, sejumlah **114** penerbangan charter disediakan untuk membawa **30,200** bakal jemaah haji ke Tanah Suci menerusi penerbangan

Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan FLYNAS. Penerbangan terakhir ke Tanah Suci bagi jemaah haji negara adalah pada **26 Ogos 2017**.

Dalam masa yang sama, para bakal jemaah diharap dapat menjaga nama baik negara dengan mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi dan **TH** demi memelihara hubungan baik antara kedua-dua negara.

Pihak **TH** juga berkeyakinan dengan tahap keselamatan dan langkah kesiapsiagaan yang diambil oleh Kerajaan Arab Saudi dalam memastikan keselamatan jemaah haji seluruh dunia. Justeru, para jemaah tidak perlu khuatir dan diharap dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada ibadah ketika berada di Tanah Suci.

-TAMAT-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, harta tanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 125 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919.